

Curekuf W Cough Syrup

Each 5ml contains Diphenhydramine Hydrochloride 14.0 mg and Ammonium Chloride 135.0 mg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Curekuf W
2. Bagaimana Curekuf W Berfungsi
3. Sebelum menggunakan Curekuf W
4. Cara menggunakan Curekuf W
5. Semasa menggunakan Curekuf W
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara Penyimpanan dan Pelupusan Curekuf W
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan Curekuf W

Ia diberikan sebagai ekspektoran untuk mengawal batuk akibat selsema atau alahan.

Bagaimana Curekuf W Berfungsi

Diphenhydramine Hydrochloride adalah antihistamin dengan kesan sampingan mengantuk dan pengeringan. Ia berfungsi dengan menyekat bahan semulajadi badan (histamine) yang dihasilkan semasa tindakbalas alergi/ alahan.

Ammonium Chloride dengan tindakan refleks, merengsakan lapisan gastrik dan meningkatkan jumlah rembesan dalam saluran pernafasan; mengurangkan kelikatan kahak yang memudahkan untuk dikeluarkan (batuk).

Sebelum menggunakan Curekuf W

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Curekuf W jika anda:

- Alah (hipersensitif) terhadap bahan-bahan yang terkandung dalam ubat ini.
- Tidak boleh digunakan pada kanak-kanak bawah umur 2 tahun.

-Sebelum menggunakan Curekuf W

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan Curekuf W jika anda:

- hamil atau merancang untuk hamil.
- sedang menyusukan anak atau merancang untuk menyusu.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil:

- Alkohol
- *Tranquilizers* (ubat ubatan yang diambil untuk mengurangkan ketegangan atau kebimbangan).
- Sedative hypnotics (kelas ubat-ubatan yang digunakan untuk mendorong dan/atau mengekalkan tidur).
- *CNS depressant* (ubat-ubatan yang terdiri daripada *sedatives, tranquilizers, and hypnotics*).
- *MAO inhibitors* (ubat yang digunakan untuk merawat kemurungan).

Cara menggunakan Curekuf W

-Berapa banyak harus digunakan

- Dewasa dan kanak-kanak berusia 12 tahun ke atas:
5ml hingga 10ml setiap 4 hingga 6 jam. (Jangan melebihi 60ml dalam 24 jam).
- Kanak-kanak 2 hingga 5 tahun:
2.5ml setiap 4 hingga 6 jam. (Jangan melebihi 20ml dalam 24 jam)

- Kanak-kanak 6 hingga 12 tahun:
2.5ml to 5ml setiap 4 hingga 6 jam. (Jangan melebihi 30ml dalam 24 jam)

-Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Gunakan ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

-Jika anda terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika menggunakannya secara berlebihan(terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Curekuf W

-Perkara yang perlu dilakukan

Guna ubat anda mengikut arahan doktor .

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Curekuf W.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

Gunakan Curekuf W hanya dengan preskripsi doktor

Curekuf W Cough Syrup

Each 5ml contains Diphenhydramine Hydrochloride 14.0 mg and Ammonium Chloride 135.0 mg

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi Curekuf W kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera; Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan Sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Curekuf W juga boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Antara kesan sampingan yang biasa dialami ialah sedasi, mengantuk, pening, gangguan koordinasi, kerengsaan perut dan pemekatan rembesan saluran pernafasan. Kesan sampingan yang kurang kerap adalah hipersensitiviti, ruam, mulut kering, cepat marah, kesukaran untuk tidur, keterujaan terlampau, kabur penglihatan, tinnitus (bunyi bising atau deringan dalam telinga), gatal, radang saraf, dan konvulsi.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers→ Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara Penyimpanan dan Pelupusan Curekuf W

-Penyimpanan

Goncang sebelum digunakan. Simpan di tempat kering dibawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya. Pastikan tudung botol ditutup dengan sempurna. Jauhkan ubat-ubatan daripada kanak-kanak.

-Pelupusan

Ubat tidak boleh dilupuskan melalui air buangan atau buangan isirumah. Sila rujuk ahli farmasi andamengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak di perlukan lagi.

Langkah-langkah ini akan membantu melindungi persekitaran

Maklumat Lanjut

-Rupa dan warna produk

Sirap bewarna coklat dengan madu serta dengan rasa pic dan rasberi

-Bahan-bahan Kandungan

-Bahan aktif yang digunakan ialah *Diphenhydramine hydrochloride* dan *ammonium chloride*.

-Bahan bukan aktif yang digunakan ialah *Sodium citrate, sugar, menthol, maltodextrin, sodium benzoate, glycerin, sorbitol, propylene glycol, honey, liquid caramel, flavour raspberry, flavour peach* dan *purified water*.

-Nombor MAL:

MAL23026021AZ

-Pembungkusan

1x100ml dibekalkan dalam satu kotak

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

SM PHARMACEUTICALS SDN.BHD (218620-M)

Lot 88, Sungai Petani Industrial Estate
08000, Sungai Petani
Kedah Darul Aman, Malaysia

Tarikh Kemaskini RiMUP: 08/09/2023

Nombor Siri: NPRA (R2) 22/147